

**Tantawi
terima PhD
khas Usim**

Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), semalam, menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Dakwah dan Pengurusan Islam kepada tokoh ilmuwan Islam terulung dunia, Sheikhul Al-Azhar, Dr Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi.

Majlis konvokesyen khas kepada penerima pertama itu disempurnakan oleh Tunku Ampuan Negeri Sembilan yang juga Canselor Usim, Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, semalam.

Lebih 1,000 ilmuwan Islam menghadiri majlis sempena dengan persidangan Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008 bertema 'Pendekatan Islam Hadhari, Di Antara Warisan dan Cabaran Semasa' yang berlangsung selama empat hari, bermula kelmarin.

Dr Abdul Shukor dalam ucapannya berkata, anugerah tertinggi universiti itu diberikan kepada Dr Sheikh Muhammad, 80, bagi mengiktiraf sumbangan dan jasanya kepada perkembangan Islam, kedamaian insaniah dan keadilan sejagat.

Beliau berkata, Sheikh Muhammad adalah tokoh yang disegani dunia dan pandangannya sentiasa dirujuk dunia Barat dan Timur.

"Tokoh ilmuwan Islam terulung dunia itu seorang yang mengagumkan dengan memiliki sahsiah islamiah yang tinggi seperti yang dituntut Islam dan menjadi contoh dan kebanggaan kepada umat termasuk ribuan keluaran Universiti al-Azhar yang berada di pelosok dunia.

"Malaysia dan rakyatnya amat berbangga dengan beliau dan hari ini adalah hari yang bersejarah bagi Usim kerana dapat meraikan seorang tokoh ilmuwan Islam terulung dunia," katanya.

Dr Sheikh Muhammad dilahirkan di Kampung Sallem Syarqiyyah, Mesir, pada 1928, dan memulakan pendidikan di kampungnya dan berjaya menghafal al-Quran sejak kecil. Beliau lulus sekolah menengah pada 1944 dan mendapat ijazah pertama kelas pertama dalam bidang Usuluddin Universiti al-Azhar pada 1958 dan mendapat ijazah dalam bidang pendidikan pada 1959.

Kikis pandangan serong terhadap dunia Barat

Umat Islam perlu tunjuk teladan baik, kongsi ilmu: Sheikhul Al-Azhar

Oleh Faiza Zainudin dan Mohamed Farid Noh

KUALA LUMPUR: Tokoh ilmuwan Islam disegani dunia, Sheikhul Al-Azhar, Dr Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi, mengingatkan umat Islam di seluruh dunia supaya mengikis pandangan serong terhadap masyarakat Barat kerana tidak semua dari Barat itu jahat.

Beliau berkata, banyak perkara boleh dipelajari daripada mereka termasuk ilmu pengetahuan yang boleh dimanfaatkan untuk kemajuan umat Islam sejagat.

Katanya, pandangan serong kepada dunia Barat perlu dikikis, tambahan pula al-Quran sendiri memerintahkan umat Islam untuk berinteraksi dengan pemeluk agama lain selagi mereka tidak menganiaya agama, negara, harta dan tempat ibadah Islam.

"Jangan beri pendapat terlalu umum terhadap Barat, bukan semua orang Barat jahat, dan jangan terburu-buru menghukum mereka.

"Ada juga yang menyokong Barat kerana memberi faedah kepada Islam, dan ramai orang Barat baik dan memeluk Islam seperti di Universiti Al-Azhar ada lebih 30,000 orang.

"Tanggungjawab kita untuk menunjukkan teladan yang baik kepada mereka (Barat)," katanya pada sidang media sempena Majlis Konvokesyen Khas Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Dakwah dan Pengurusan Islam kepada beliau, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin dan Duta Besar Malaysia ke Mesir, Datuk Dr Zainal Abidin Abdul Kadir.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pandangan masyarakat Barat terhadap Islam yang menganggap penganut agama itu sebagai



IKTIRAF KETOKOHAN: Tuanku Najihah memberi laluan kepada Muhammad Sayyid Tantawi (dua dari kiri) sambil diperhatikan Abdul Shukor (kiri) dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed ketika berjalan masuk ke Dewan Konvokesyen Khas Usim 2008 di KLCC, semalam.

penganas dan mepimbulkan ancaman kepada mereka sejak dahulu lagi.

Ketika diminta mengulas pembangunan nuklear oleh kerajaan Iran bagi kegunaan menjana tenaga elektrik rakyatnya dan dianggap Barat sebagai tujuan untuk peperangan, Sheikh Muhammad berkata, umat Islam perlu menyokong sebarang usaha atau ilmu yang dibangunkan kerajaan Islam untuk kemudahan umatnya.

"Apa-apa ilmu yang memberi faedah kepada Islam, kita mesti sokong, tapi jangan gunakan ilmu itu untuk memusnahkan umat Islam

sendiri," katanya yang enggan mengulas lanjut mengenai isu politik.

Mengenai perbezaan pandangan fahaman pelbagai mazhab dan sunnah sehingga menimbulkan perbalahan antara umat Islam, beliau berkata, selagi umat Islam berpegang teguh kepada ajaran Islam sejati dan tidak bermusuh dengan Nabi Muhammad SAW dan sahabatnya, selagi itulah, tiada perbezaan antara mereka.

"Islam agama kita dari Nabi Adam dan Muhammad, mereka yang tidak bermusuh dengan nabi dan sahabat dan berpegang kepada ajaran sejati,

adalah Islam, dan tidak ada beza antara puak Syiah atau mazhab lain," katanya yang menganggap perbezaan aqidah adalah sunatullah.

Beliau mahu setiap ulama dan ilmuwan bersikap berani dalam menyampaikan ilmu pengetahuan yang benar tanpa rasa takut kepada sesiapa.

Beliau berkata, tanpa sikap itu dan ikhlas, ilmu pengetahuan yang mereka dimiliki akan hilang tanpa diwarisi generasi umat Islam seterusnya sekali gus menyebabkan tersebabnya kejahilan dan kesesatan yang merugikan semua pihak.